



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 23 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NIAGA AWANI: BANCING PERTANIAN 2024: JAMINAN MASA DEPAN NEGARA, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MAQIS TAHAN KONTENAN MAKANAN BERASAS HAIWAN DARI KOREA SELATAN BERNILAI RM10,000, THE SUN -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	MAQIS SELANGOR RAMPAS PELBAGAI MAKANAN TANPA PERMIT DARI KOREA, HM -ONLINE	
4.	MAKANAN KOREA DIRAMPAS, ASTRO AWANI -ONLINE	
5.	MAQIS SELANGOR RAMPAS PELBAGAI MAKANAN TANPA PERMIT DARI KOREA, BULETIN TV3 -ONLINE	
6.	MAQIS TAHAN KONTENA MAKANAN BERASAS HAIWAN DARI KOREA SELATAN BERNILAI LEBIH RM10,000, BERNAMA -ONLINE	
7.	LPP MOHON JENTERA PERTANIAN LAYAK TERIMA SUBSIDI DIESEL, HM -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8.	JENTERA PERTANIAN PERLU DIBERI SUBSIDI DIESEL -MAHFUZ, DALAM NEGERI, UM -35	
9.	BEKALAN AIR PULIH, TANAMAN PADI BERMULA OKTOBER, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
10.	PETANI RESAH PADI DISERANG ULAT PUTIH, SEWA JENTUAI NAIK, DALAM NEGERI, UM -35	LAIN-LAIN
11.	'KENAIKAN SEWA MESIN JENTUAI TIDAK MUNASABAH', NEGARA, KOSMO -18	
12.	PADI HARVESTER OPERATORS URGED NOT TO HIKE PRICES, NATIONAL, THE SUN -4	
13.	PLEA FROM VEGGIE FARMERS, NATION, THE STAR -10	
14.	PADI FARMERS: HARVESTER RENT INCREASE IS UNREASONABLE, NATION, THE STAR -10	
15.	SWEET CHINA DEAL FOR LOCAL JACKFRUIT, NEWS, THE STAR -5	
16.	FENOMENA AIR PASANG BESAR JEJAS AKTIVITI NELAYAN, NASIONAL, BH -21	
17.	NELAYAN GUNA 2,458 KULIT SIPUT HASILKAN JALUR GEMILANG, NEGARA, KOSMO -15	
18.	BUKA KEBUN KOBOI ISI USIA EMAS, GAYA LELAKI, UM -24 & 25	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)


TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Niaga AWANI: Banci Pertanian 2024: Jaminan masa depan negara

Penolong Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Siti Asiah Ahmad membincangkan tentang pelaksanaan projek mega Banci Pertanian 2024 yang merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Jabatan Perangkaan Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2024	THE SUN	ONLINE	

MAQIS tahan kontena makanan berasaskan haiwan dari Korea Selatan bernilai lebih RM10,000



SHAH ALAM: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor menahan sebuah kontena berisi pelbagai makanan berasaskan haiwan bernilai RM10,125.17 dari Korea Selatan, kerana tidak memiliki permit import yang sah di Pelabuhan Klang Barat, pada 16 Ogos.

Pengarah MAQIS Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata kesemua dagangan tersebut, cuba dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan namun ditahan di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat, dekat sini pada 10.30 pagi.

“Pemeriksaan terhadap sebuah kontena itu mendapati, dagangan yang dibawa masuk tidak mempunyai permit import yang sah dikeluarkan oleh MAQIS,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Mohd Sobri berkata tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperluaskan di semua pintu masuk negara, bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.

Beliau berkata tindakan itu bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara, bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar disamping mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

MAQIS Selangor rampas pelbagai makanan tanpa permit dari Korea



SEBAHAGIAN barangan dagangan berasaskan haiwan seperti sosej, ham, seaweed, aiskrim, ikan bilis beku yang dirampas MAQIS. FOTO Ihsan MAQIS Selangor

Shah Alam: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor merampas pelbagai makanan berasaskan haiwan

seperti sosej, ham, seaweed, aiskrim, ikan bilis beku dari Korea yang tiada permit import sah di Pelabuhan Klang, dekat sini Jumaat lalu.

Pengarah MAQIS Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata, kesemua dagangan terbabit cuba dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan namun ditahan di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat.

"Pemeriksaan dilaksanakan terhadap kontena yang membawa makanan terbabit kira-kira jam 10.30 pagi dan mendapati dagangan itu tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan oleh MAQIS.

"Siasatan mendapati, kesemua barangan dagangan yang dirampas berkenaan dianggarkan bernilai RM10,125.17.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Sobri berkata, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperluaskan di semua pintu masuk negara bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.

"Ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Makanan Korea dirampas



Pegawai Maqis Selangor memeriksa produk sejuk beku yang dirampas di Pelabuhan Barat, Klang, Jumaat lalu.

PELABUHAN KLANG: Sebuah kontena yang membawa muatan pelbagai makanan sejuk beku dari Korea tanpa mempunyai permit import sah ditahan di Pelabuhan Barat, di sini, Jumaat lalu.

Pengarah Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, produk makanan itu antaranya membabitkan sosej, rumpai laut, aiskrim dan ikan bilis beku bernilai RM10,125.17.

"Kesemua dagangan tersebut cuba dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan namun ditahan di pintu masuk Pelabuhan Barat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

MAQIS Selangor rampas pelbagai makanan tanpa permit dari Korea



FOTO: NSTP/Ihsan MAQIS Selangor

SHAH ALAM: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor merampas pelbagai makanan berasaskan haiwan seperti sosej, ham, seaweed, aiskrim, ikan bilis beku dari Korea yang tiada permit import sah, di Pelabuhan Klang,

dekat sini Jumaat lalu.

Pengarah MAQIS Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, kesemua dagangan terbabit cuba dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan namun ditahan di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat.

“Pemeriksaan dilaksanakan terhadap kontena yang membawa makanan terbabit kira-kira jam 10.30 pagi dan mendapati dagangan itu tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan oleh MAQIS.

“Siasatan mendapati, kesemua barangan dagangan yang dirampas berkenaan dianggarkan bernilai RM10,125.17.



“Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Sobri berkata, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperluaskan di semua pintu masuk negara bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.

“Ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan,” katanya.

taip untuk carian

JENAYAH & MAHKAMAH > BERITA

MAQIS Tahan Kontena Makanan Berasaskan Haiwan Dari Korea Selatan Bernilai Lebih RM10,000

🕒 21/08/2024 04:21 PM



Kredit: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor

SHAH ALAM, 21 Ogos (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor menahan sebuah kontena berisi pelbagai makanan berasaskan haiwan bernilai RM10,125.17 dari Korea Selatan, kerana tidak memiliki permit import yang sah di Pelabuhan Klang Barat, pada 16 Ogos.

Pengarah MAQIS Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata kesemua dagangan tersebut, cuba dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan namun ditahan di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat, dekat sini pada 10.30 pagi.

"Pemeriksaan terhadap sebuah kontena itu mendapati, dagangan

dikeluarkan oleh MAQIS," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Mohd Sobri berkata tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperluaskan di semua pintu masuk negara, bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.

Beliau berkata tindakan itu bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara, bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar disamping mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

LPP mohon jentera pertanian layak terima subsidi diesel



Alor Setar: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) meminta kerajaan mempertimbangkan agar jentera pertanian dimasukkan dalam kategori layak menerima subsidi diesel bagi meringankan beban petani.

Pengerusi LPP Datuk Mahfuz Omar berkata perkara itu perlu dilaksanakan segera terutama bagi jentera

penuai padi kerana musim menuai akan bermula awal bulan depan.

"Saya harap kerajaan dapat segera buat pertimbangan bagi mengatasi masalah ini. Jika tidak, kita mungkin akan sekali lagi berdepan krisis 'kehilangan' beras tempatan dari pasaran.

"Kita percaya kerajaan sentiasa terbuka untuk mendengar rintihan rakyat keseluruhan. Bagi saya kadar baharu upah jentuai itu terlalu tinggi dan kerajaan perlu segera memasukkan jentera pertanian seperti jentuai dan pembajak sebagai penerima subsidi diesel," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Kibar Jalur Gemilang di Masjid An Nur di sini hari ini.

Pada masa ini golongan petani resah apabila pengusaha jentera penuai padi bercadang untuk menaikkan kadar upah kepada RM200 serelung (0.3 hektar) berbanding antara RM130 hingga RM140 sebelum ini.

Mahfuz berkata LPP memahami masalah yang dihadapi para petani kerana ia juga memiliki jentera penuai yang dioperasikan oleh bahagian kejuruteraan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

"Walaupun kami agensi kerajaan, kami juga terkesan. Kos kami pun meningkat, namun seperti dinyatakan tadi, kita percaya kerajaan sedia mendengar rintihan petani.

"Pengusaha swasta pula janganlah naikkan kadar sewa jentuai terlalu tinggi hingga membebankan para petani," katanya.

LPP juga telah diberikan tugas oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menyiapkan kertas kerja mengenai masalah dihadapi semua pihak berkaitan kos perbelanjaan bagi menghasilkan tanaman padi, tambah beliau.

"Semua ini ialah usaha kerajaan untuk membantu menilai semula tindakan yang boleh membantu golongan pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35



PETANI resah dengan kenaikan sewa jentuai dan serangan ulat putih yang paling teruk pada musim ini di Kubang Sepat, Jerlun.

Petani resah padi diserang ulat putih, sewa jentuai naik

Oleh JAMLIH ABDULLAH
utusannews@mediamula.com.my

JERLUN: Petani di daerah ini gelisah dengan jangkaan kenaikan sewa jentuai sehingga RM200 serelung pada musim ini yang disifatkan terlalu tinggi sekaligus membebankan mereka.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) E2 Kubang Sepa, Abd. Halim Salleh, kenaikan kos itu juga dikhuatiri mengurangkan pendapatan hasil sawah masing-masing pada musim ini ekoran tanaman dijangkiti penyakit padi yang teruk seperti ulat putih dan padi angin.

"Para pengusaha mesin padi ini membuat keputusan menaikkan sewa jentera mereka tanpa berbincang dengan pesawah.

Kenaikan RM200 terlalu mahal. Kita pesawah memahami kenaikan diesel dan bahan lain ketika ini namun jika kenaikan sekitar RM30 iaitu untuk bahan api dan kos penyelenggaraan mereka, itu diterima akal.

"Terdapat sebanyak 2,500 pesawah di sini dan kita mendengar keluhan mereka kerana padi pun tak lama lagi nak tuai. Keresahan amat terasa dengan keadaan padi pun tak banyak mana hasil kerana berpenyakit seperti ulat putih," katanya ketika ditemui di Kubang Sepat dekat sini semalam.

Menurut beliau, pesawah berharap kenaikan tersebut dipertimbangkan untuk memastikan kebajikan golongan berkenaan dan tidak menekan mereka sehingga menggugat

pendapatan.

"Kalau sewa ini dinaikkan juga sehingga RM200 pendapatan bersih petani hanya dijangka RM350 untuk serelung setelah ditolak semua upah. Itu pun jika sudah dikira tambahan subsidi padi RM500, kalau tanpa itu memang lagi teruk.

"Sebelum ini harga RM120 ke RM130 serelung kalau naik RM30 kita boleh terima lagi tetapi ini kenaikan sehingga RM70. Kita harap pihak kementerian pun akan bekerjasama melihat perkara ini. Masalah ini mungkin dapat diselesaikan jika diesel itu diberikan subsidi bersasar kepada golongan pengusaha mesin padi ini," katanya.

Sementara itu, menurut pesawah Fisol Omar, 61, petani

menghadapi pelbagai cabaran dalam mengerjakan sawah termasuk kos upah yang semakin tinggi.

"Sekarang ada fenomena baharu, jangkitan ulat putih yang memberi masalah dan padi angin.

"Kita kecewa kerana padi angin ini menyebabkan kerosakan sehingga 80 peratus. Pendapatan petani setiap musim semakin berkurangan, ada yang sehingga 60 peratus jadi kita tak boleh nak tampung kos," katanya.

Menurut Mohhtar Bakar, 64, berdasarkan perkiraan mereka, kenaikan diesel yang perlu ditampung pengusaha jentuai bagi setiap relung cuma RM16 berbanding RM70 yang ditetapkan oleh pesawah.

Remaja Sri Lanka menipu mohon passport

GEORGE TOWN: Dua individu ditahan selepas cuba melakukan penipuan ketika memohon Pasport Malaysia Antarabangsa di Pejabat Imigresen UTC di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), di sini, semalam.

Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Pulau Pinang, Nur Zulfa Ibrahim berkata, tangkapan itu membabitkan seorang remaja lelaki warga Sri Lanka dan seorang wanita tempatan.

Katanya, remaja warga asing itu hadir ke pejabat untuk membuat permohonan pasport dan mengemukakan dokumen pengenalan diri sebagai seorang kanak-kanak lelaki berumur 10 tahun dengan ditemani seorang wanita tempatan yang mengaku sebagai ibu kepada suspek.

"Penyelia bertugas menyedari fizikal suspek tidak sepadan dengan usia selain tidak memahami sebarang soalan yang diajukan terhadapnya.

"Suspek tidak boleh berbahasa Melayu manakala pertuturan suspek bukan dalam dialek Tamil orang India di Malaysia," katanya.

Proses siasatan membawa kepada pengakuan wanita terbabit bukanlah ibu suspek dan dia menerima sejumlah wang sebagai ganjaran.

Jentera pertanian perlu diberi subsidi diesel - Mahfuz

POKOK SENJA: Kerajaan diminta segera membuat pertimbangan bagi membolehkan jentera pertanian menerima subsidi diesel sebagai satu langkah untuk meringankan beban ditanggung petani.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar berkata, langkah itu perlu dilakukan secepat mungkin ketika musim menuai di utara tanah air hampir tiba iaitu bulan depan.

"Saya harap kerajaan dapat segera buat pertimbangan bagi mengatasi masalah ini atau setidaknya

tidaknya memasukkannya dalam Belanjawan 2025 kerana jika tidak, kita mungkin berdepan lagi krisis 'kehilangan' beras tempatan.

"Kita percaya kerajaan sentiasa terbuka untuk mendengar rintihan rakyat. Bagi saya kenaikan hingga RM200 itu terlalu tinggi dan kerajaan perlu segera memasukkan jentera pertanian seperti jentuai dan pembajak sebagai penerima subsidi diesel," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Kibar Jalur Gemilang di Masjid An Nur di sini, semalam.

Tambah Mahfuz, pihaknya amat memahami kesulitan dihadapi petani dan pengusaha jentuai.

"Kos untuk mengoperasikan jentera itu meningkat. Namun kita percaya kerajaan sedia mendengar rintihan banyak pihak.

"Pada masa sama, kita juga minta pengusaha swasta supaya tidak menjadikan isu lain seperti peningkatan harga alat ganti bagi mewajarkan kenaikan harga terlalu tinggi hingga membebankan petani," katanya.



MAHFUZ Omar (kiri) bertemu masyarakat setempat yang mendapatkan barangan Jualan Rahmah sempena Program Kibar Jalur Gemilang di Masjid An Nur, Pokok Sena.

'Kenaikan sewa mesin jentuai tidak munasabah'

JITRA – Kira-kira 2,500 pesawat bimbang hasil tuaiian musim ini berkurangan apabila kadar sewa mesin jentuai djangka naik sekali gus membebaskan mereka.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) E2 Kubang Sepat, Abd. Halim Salleh berkata, keadaan menjadi lebih teruk apabila ada sawah terjejas ekoran serangan ulat putih dan padi angin.

"Pengusaha mesin membuat keputusan menaikkan sewa jentera tanpa berbincang dengan pesawah. Sewa naik kepada RM200 berbanding RM120 hingga RM130 serelung sebelum ini.

"Kami faham kenaikan harga diesel dan bahan lain ketika ini, namun jika naik sebanyak RM30 itu boleh diterima," katanya ketika ditemui di Kubang Sepat semalam.

Katanya, rata-rata pesawat terbang di bandara Sepat Semarang mengalami kepadatan lalu lintas yang mengakibatkan keterlambatan. Akibatnya, rata-rata pesawat mengalami keterlambatan 15 menit. "Keterlambatan ini mengakibatkan penumpang mengalami kerugian karena harus menunggu lebih lama di bandara," katanya.



SEKUMPULAN pesawah menunjukkan plakad ekoran kenaikan sewa jentera tualan dan serangan ulat putih di Kubang Sepat, Jitra semalam.

memandangkan hasil yang bakal diperoleh tidak banyak akibat serangan penyakit.

“Jika sewa naik sampai RM200, pendapatan bersih petani hanya RM350 (serelung) selepas ditolak

upah. Kami harap kementerian berkaitan boleh lihat perkara ini. Masalah mungkin dapat disele-

saikan jika pengusaha mesin diberikan subsidi diesel," ujarnya.

Pesawah, Fisol Omar, 61, berkata, dia menghadapi pelbagai cabaran dalam mengerjakan sawah termasuk kos upah yang semakin tinggi.

"Kenalkan sewa mesin kepada RM200 tidak munasabah. Kami berdepan pelbagai masalah seperti gangguan ulat putih dan padi angin. Pendapatan petani setiap musim juga makin berkurangan," katanya.

Mohtar Bakar, 64, pula berkata, berdasarkan perkiraan, kenakan diesel yang perlu ditampung pengusaha mesin setiap relung cuma RM16 berbanding RM70.

“Kalau dahulu RM130 ditam-

bah RM16 baru RM146 bagi menampung kenaikan diesel, tetapi pihak pengusaha mesin mendakwa mereka juga perlu menampung kenaikan penyelenggaraan jentera," katanya.

Bekalan air pulih, tanaman padi bermula Oktober

KOTA BHARU: Kerja-kerja tanam padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) untuk musim kedua jangka bermula penghujung Oktober atau awal November ini berikutan bekalan air semakin pulih. Pengurus Besar KADA, Mohd. Faizul Mustafa berkata, sebahagian besar pesawah di bawah seliaan agensi itu tidak dapat mengusahakan padi pada musim pertama ekoran masalah bekalan air.

"Jadual akhir untuk ker-

ja-kerja menabur benih bagi musim pertama tahun ini pada 28 Julai lalu.

"Namun pesawah tidak berani mengambil risiko untuk bertanam kerana bimbang tanaman akan musnah akibat banjir," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 Peringkat KADA di sini semalam.

Mohd. Faizul memberitahu, berdasarkan rekod, tanaman padi hanya boleh dilakukan di

kawasan seluas 13,778 hektar.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Faizul memberitahu, pihaknya sudah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Tabung Bencana Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi membantu petani yang terjejas dengan kemarau.

Katanya, ia melibatkan had keluasan sebanyak 7,472.54 hektar dengan cadangan nilai bantuan adalah sebanyak RM6,545,945.04 bagi musim kedua tahun lepas.



MOHD. FAIZUL MUSTAFA (kanan) melekatkan bendera pada kenderaan KADA sempena Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 Peringkat KADA di Lundang, Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/ ROSLIZA MOHAMMED

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2024	THE SUN	NATIONAL	5

Padi harvester operators urged not to hike prices

JERLUN: *Padi* harvester operators have been urged to review the proposal to increase the rental rate of the machines from RM140 to RM200 for a row (0.30ha) of *padi* crop so as not to burden farmers.

Fisol Omar, 61, from Alor Biak said the rental rate increase is very sudden, without taking into account the actual costs.

"It's unreasonable, as rice farmers now have to contend with *padi* disease and the latest phenomenon is the attack of *ulat gulung* and *padi angin*, which cause yield declines of up to 80%.

"We have not been able to produce for four seasons (two years). But if it is increased to RM160 or RM170 per 0.3ha, we can accept it," said Fisol.

Mohtar Bakar, 64, from Kampung Telok Jawa, said the increase in the rental rate for harvesting machinery is absurd and expressed hope that it would not be finalised until a detailed study is done. – Bernama

Plea from veggie farmers

Incentives needed to help food security amid rising costs, urge groups

By KHOO GEK SAN
gekstan@thestar.com.my

PETALING JAYA: With costs rising for small growers in the wake of the diesel subsidy rationalisation, vegetable farmers have suggested the government reintroduce incentives to boost production and strengthen food security.

The Malaysian Federation of Vegetable Farmers Association has urged the government to reintroduce an incentive of at least RM120 per tonne of vegetables, said its president Lim Ser Kwee.

In a letter to the Finance Ministry, the association said the incentive would ease financial pressures on farmers and ensure the sustainability and growth of the vegetable farming industry.

Although the government has introduced targeted diesel subsidies for commercial vehicles, 90% of agricultural machinery, such as water pumps and soil tillers, were unable to get the necessary vehicle cards to benefit from these subsidies, Lim said.

And while the government has introduced an additional RM200 subsidy for farmers under the Budi Madani scheme, the amount was not sufficient, said Datuk Chai Kok Lim of the Cameron Highlands' Vegetable Farmers Organisation.

"Farmers who work hard and produce more vegetables would receive greater subsidies, helping them cope with cost pressures and avoid financial ruin."

Lim Ser Kwee

"Farmers typically spend over RM1,000 on diesel each month," he said.

Additionally, to qualify for Budi Madani, farmers must also have registered companies and an annual turnover of between RM50,000 and RM300,000, but at least 20% of small farmers do not meet these criteria, said Lim.

"Our proposed 'vegetable production incentives' aim to establish a 'more work, more gain' concept," he said.

"Farmers who work hard and produce more vegetables would receive greater subsidies, helping them cope with cost pressures and avoid financial ruin."

Currently, the association has around 7,000 members nationwide. However, the number of farmers has been decreasing annually

increase farming costs.

"It takes two foreign workers to cultivate one acre (0.4 ha) of land. With wage increases, the costs to plant an acre - including fertilisers and pesticides and labour - will rise," he added.

Chai of Cameron Highlands said the idea for an incentive was not new as in 2008, the government had provided RM80 for each tonne of vegetables produced.

"Hard work leads to success, and this approach can increase the nation's vegetable production income," he said, adding that the government could create a system to track each farm's harvests.

Tax expert Datuk Koong Lin Loong supported the idea of giving out incentives based on production yields as opposed to increasing diesel subsidies.

"Targeted diesel subsidies have loopholes. The vegetable farmers' proposal is worth exploring, but the exact amount of the incentive should be further discussed with farmers," he said.

Diesel subsidies can be misappropriated such as when farmers use old lorries merely to apply for the subsidy, which could then be smuggled, he added.

"If the diesel subsidy does not genuinely benefit agriculture, the government should review it," said Koong.

Padi farmers: Harvester rent increase is unreasonable

JERJUN: Farmers are urging padi harvester operators to review their proposal to increase the rental rate of machines from RM140 to RM200 for a row (0.30ha) of padi crops so as not to burden them.

Farmer Fisol Omar, 61, from Alor Biak here said the rental rate increase was very sudden and does not take the actual cost into account.

He said the increase should not happen, adding that he was disappointed because the increase in the cost of rental of up to RM60 per 0.3ha on the grounds of an increase in the price of fuel and spare parts was not justified.

"It's unreasonable, as rice farmers are now plagued with padi diseases ... which cause yield declines of up to 80%," he told reporters in Kubang Sepat here.

Mohtar Bakar, 64, from Kampung Telok Jawa, on the other hand, said the increase in the rental of harvesting machinery was absurd and he hoped that it would not be finalised until a detailed study was done.

"The increase in fuel for one row is RM16, so if the machine's rent is RM130 plus RM16, it's now RM146. For us, the increase was made without proper calculation," he said.

JOHOR

Sweet China deal for local jackfruit

Company's first batch of J33 variety sets sail for major supermarkets in Tianjin

BY YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

CHINA with its population of more than 1.4 billion is a huge market for Malaysian fruit farmers.

Johor agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said Malaysia was last year allowed to export fresh honey jackfruit (*nangka madu*) to China, opening up a new market for local farmers.

"The Chinese market is one of the largest in the world for agricultural products," he said.

"The state and federal governments strongly support efforts to export local agricultural products, including honey jackfruit, to China and other global markets."

He recently visited fruit processing plant Fruitglo Sdn Bhd in Ayer Hitam, Batu Pahat, where he also flagged off its first batch of fresh honey jackfruit bound for China.

The eight tonnes of J33 honey jackfruit are heading to Tianjin for sale in major supermarkets.

Zahari said the fruits were exported through As Syura Trading and Resources Sdn Bhd while the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) was responsible for promoting agricultural products overseas.

He added that such efforts were made possible with the cooperation of farmers, exporters, government agencies and international trade partners.

Fama chairman Aminuddin Zulkipli said local agricultural products would be promoted using the "Malaysia's Best" branding.

to the foreign market, he said. "The branding means the products are recognised by the Malaysian government."

"This also gives confidence to international consumers, and assurance that the products are in accordance with stringent standards and safety requirements," added Aminuddin.

Fruitglo director Melvin Long said Malaysia's honey jackfruit was aimed at middle- and high-end consumers in the Chinese market.

"Although Thailand and Vietnam are our main competitors, Malaysia's honey jackfruit is of high quality and has a unique flavour that can satisfy Chinese consumers."

"While our competitors can offer lower prices, our quality and taste are unmatched; just like Malaysia's Musang King durian," said Long, who is also Federation of Malaysia Fruit Farmers' Association executive secretary.

He added that his company's target was to export 40 to 50 tonnes of high-quality honey jackfruit to China annually to meet demand.



Long (left) explaining to Zahari (centre) the packing process for the honey jackfruit to be exported to China.

The national branding, introduced by the Agriculture and Food Security Ministry through Fama, was aimed at promoting quality local fruits with a strong Malaysian identity.

Fenomena air pasang besar jejas aktiviti nelayan

Kuala Lumpur: Fenomena air pasang perbani atau air pasang besar yang dijangka berlaku sehingga esok menjejaskan aktiviti nelayan, sekali gus menyebabkan bekalan ikan segar berkurangan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD), Azmi Bahri, berkata fenomena itu menyebabkan hasil tangkapan ikan tidak memuaskan berikutan ramai nelayan tidak dapat turun ke laut sejak seminggu lalu.

"Fenomena cuaca dan air pasang besar menyebabkan ramai nelayan tidak dapat turun ke laut. Kalau ada pun, hasilnya tak memuaskan.

"Ini menyebabkan bekalan



Siput kabung membanjiri Pantai Chenang, Langkawi susulan fenomena air pasang besar dan ombak kuat sejak tiga hari lalu. (Foto Hamzah Osman/BH)

Azmi berkata, kebiasaannya jika berlaku fenomena seperti itu, rata-rata nelayan akan membuat kerja pembaikan bot dan pukat.

"Selain itu, ada juga yang memantau bot di pelantar kerana

takut air pasang besar akan menolak bot ke darat," katanya.

Seramai 7,534 ahli berdaftar dengan NEKAD, termasuk individu yang terabit dengan industri perikanan.

Terdahulu Pusat Hidrografi

Nasional berkata, seiring maklumat terkandung dalam Jajual Pasang Surut Malaysia 2024, air pasang besar itu boleh menyebabkan limpahan air ke kawasan daratan dan kemungkinannya berlaku banjir.



ISMAIL (duduk kanan) menunjukkan Jalur Gemilang daripada kulit kerang sempena menyambut Hari Kemerdekaan di Kampung Pulau Sebatang, Pontian baru-baru ini.

Nelayan guna 2,458 kulit siput hasilkan Jalur Gemilang

PONTIAN – Sempena sambutan bulan Kebangsaan, My Kerang Pulau Sebatang berjaya menghasilkan bendera Jalur Gemilang yang menggunakan kulit kerang.

Pengerusi Komuniti Perikanan Pulau Sebatang (MyKP), Ismail Hassan berkata, Jalur Gemilang berukuran hampir dua meter itu dibuat menggunakan 2,458 kulit kerang dan 14 cengkerang siput.

Katanya, kerja-kerja membuat Jalur Gemilang tersebut bermula

dengan menyauk kerang di perairan Pulau Sebatang sebelum digred seterusnya direbus dan dikeluarkan isinya.

Menurut Ismail, kulit kerang kemudiannya akan dijemur selama seminggu bagi pastikan kulitnya betul-betul kering bagi memudahkan kerja-kerja mewarnakan dilakukan selepas itu.

"Bagi tujuan tersebut sebanyak 940 cengkerang kulit kerang diwarnakan merah dan putih,

482 diwarnakan biru, 96 warna kuning dan 14 cengkerang siput digunakan untuk bintang," katanya ketika ditemui di Kampung Pulau Sebatang, di sini, baru-baru ini.

Tambah Ismail, selepas itu kulit-kulit kerang dilekatkan di atas papan dengan menggunakan gam yang kuat bagi mengelakkan kulit-kulit kerang tersebut tertanggal atau terjatuh bila ditegakkan.



NEK Abd. Rahman menunggang kuda bersama anaknya, Nek Ahmad Maheer di Niemans Hideout, Bukit Tinggi.



NEK Abd. Rahman Saleh di samping isteri, Norhayati A Rahim.



KOBOI Malaysia ini sering dipanggil menjadi tetamu khas dalam acara berkaitan kuda sama ada di dalam mahupun luar negara.

Buka kebun koboi isi u

Oleh HALINA MD. NOOR
gayautusan@mediamula.com.my

MENCECAH usia emas, ramai yang mengimpikan hidup tenang, selesa dan jauh daripada tekanan selepas sekian lama bekerja mencari rezeki.

Justeru, ramai yang lebih gemar memilih untuk menghabiskan masa terutama di hujung minggu bersama keluarga terutama anak dan cucu masing-masing atau mendalami ilmu agama.

Begitu juga bagi pasangan Koboi Malaysia, Datuk Nek Abd. Rahman Saleh, 68, dan isteri, Datin Norhayati A Rahim, 66, yang memilih untuk mengisi usia persaraan dengan cara tersendiri.

Pasangan itu bersama anak tunggal mereka, Nek Ahmad Maheer, 35, dan menantu, Nora Shahida Mohd. Fauzi, 35, mengusahakan kebun koboi seluas lima ekar di Kampung Bukit Tinggi, Bentong, Pahang.

"Kebun Koboi atau Niemans Hideout, dibuka sejak 2014.

"Pada awalnya kami memperkenalkan konsep riadah menunggang kuda untuk sekeluarga selain menawarkan latihan untuk menunggang kuda.

"Kebun ini turut dilengkapi dengan aktiviti menanam pelbagai jenis sayur seperti sawi, kacang buncis, petola,



NEK Abd. Rahman Saleh (kiri) dan bersama keluarga menaiki kereta kuda.

cili dan sebagainya," katanya kepada Utusan Malaysia.

PRINCE KESAYANGAN

Nek Abd. Rahman sekeluarga ditemui di kebun mereka baru-baru ini, turut memperkenalkan satu-satunya kuda yang masih dalam peliharaan mereka, dikenali Prince yang berwarna putih.

Sebelum ini, mereka memiliki dua lagi kuda dikenali sebagai Jay dan Joker Beauty yang lebih jinak dan terlatih untuk ditunggang oleh orang ramai, namun malangnya kedua-duanya mati akibat penyakit kaki.

Lelaki asal dari Kelantan ketika menyambut kedatangan kami ini, lengkap berpakaian baju Kalvari Amerika yang dipakai sekitar tahun 1880 dengan kasut but buatan Mexico serta topi koboi yang diperbuat daripada kulit.

Manakala anak lelakinya, bergaya dengan baju denim polo dan Bolo Tie serta kasut but Mexico.

Menantunya, Nora dan cucu-cucunya, Nek Ariana Balqis, 9, Nek

“

Saya pernah menjadi model pakaian sekitar tahun 1970an, malah pernah sepentas peragaan dengan peragawati, penyanyi dan pelakon terkenal, Noorkumalasari.”

Aryan Mukhiz, 6 dan Nek Armel Medina, 4, tidak ketinggalan bergaya koboi.

Datin Norhayati pula lebih memilih untuk bergaya ringkas dengan blaus, seluar denim dan kasut sneaker saja.

Sebelum bergelar 'Koboi Malaysia' Nek Abd. Rahman adalah bekas pegawai polis di Bukit Aman yang memilih untuk pencen awal kerana tidak mahu lagi berdepan stres dengan beban kerja.

"Saya berhenti kerja pada 2011 kerana ingin menjalankan perniagaan sendiri. Sebelum itu, sekitar tahun 1995, saya ada buat kajian bidang bioteknologi berkaitan makanan tambahan daripada susu kuda.

"Apabila makanan tambahan itu yang dikenali sebagai Niemans mendapat sambutan hangat dan dikenali, ramai yang

23/8/2024

UTUSAN
MALAYSIA

GAYA LELAKI

25

sia emas



bertanya sama ada saya sendiri pandai menunggang kuda atau tidak," katanya.

Pertanyaan orang ramai itu mendorongnya merasakan perlu untuk mempelajari pelbagai perkara mengenai kuda termasuk cara menunggang dengan betul dan mempelajarinya dari Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Minatnya dalam aktiviti menunggang kuda turut berkembang seiring dengan perniagaan makanan tambahan berasaskan susu kuda itu, sehingga berjaya memiliki kuda sendiri.

Malah, rezeki Nek Abd. Rahman bertambah menerusi kemahirannya mengendalikan kuda apabila berpeluang menjadi operator kuda di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) pada 2009 sehingga 2012.

"Kuda haiwan istimewa kerana ia mempunyai naluri yang tinggi mengenai penunggangnya. Menjinakkan kuda bukan mudah kerana biasanya ia memilih 'tuannya' berbanding kita memilih kuda.

"Aktiviti menunggang kuda juga memberikan manfaat kepada tubuh kita kerana ia menggalakkan postur tubuh yang betul ketika menunggang kuda. Secara tidak langsung, ia dapat mengelakkan sakit pinggang," katanya sambil memberus belakang kuda putihnya, Prince.

Lebih mengujakan apabila selesai memberus belakangnya, Prince secara spontan menundukkan kepala

sebagai tanda terima kasih kepada Nek Abd. Rahman. Prince sememangnya kuda yang terlatih kerana sebelum ini, ia pernah berkhidmat sebagai kuda lumba.

PENAMPILAN UNIK BUKA REZEKI

Keunikan penampilan, membuatkan Nek Abd. Rahman digelar Koboï Malaysia malah sering dipanggil untuk menjadi tetamu khas dalam acara berkaitan kuda sama ada di dalam mahupun luar negara. Beliau turut menerima bayaran lumayan dalam pelbagai acara untuk tampil dengan pakaian koboï dan dilantik sebagai Duta di sebuah Institut Pengajian Tinggi di Indonesia.

"Saya pernah menjadi model pakaian sekitar tahun 1970an, malah pernah sepentas peragaan dengan peragawati, penyanyi dan pelakon terkenal, Noorkumalasari.

"Mungkin sudah terbiasa menggayakan pakaian, saya tidak kekok tampil memakai pakaian lengkap koboï di hadapan orang ramai. "Isteri saya pun turut bekerjasa berpakaian koboï sebagai sokongan kepada saya," katanya.

JAGA KESIHATAN

Mencecah usia warga emas, pasangan ini memastikan mereka sentiasa kekal cergas dengan mengamalkan gaya hidup sihat terutama daripada segi pemakanan.

Setiap hujung minggu, Nek Abd. Rahman bersenam dengan berlari di sekitar kawasan kebunnya sambil berkebun dan memantau tanaman sayur-sayuran dengan bantuan pekerjaanya.

"Datuk memang mementingkan penjagaan kesihatan. Bila balik ke kebun setiap kali hujung minggu, dia akan makan ulam-ulam yang ditanam di kebun ini seperti pucuk mangga dan daun moringa.

"Di hari-hari biasa, Datuk tinggal di Petaling Jaya bagi menguruskan ibu pejabat jualan makanan tambahan dan pengurusan acara. Saya pula tinggal di sini bersama anak dan cucu," kata Norhayati.

HIDUP TENANG

Norhayati yang berasal dari Johor Bahru memilih untuk tinggal di kebun berkenaan kerana merasakan di situ lebih tenang dengan kehijauan alam sekitar dan udara yang nyaman.

Tambahan pula, anak, menantu dan cucu-cucunya juga memilih untuk menetap di situ bagi memudahkan urusan pengendalian kebun dan kuda, selain menjimatkan masa serta kos berulang-alik dari bandaraya ke Bukit Tinggi.

Sesekali mereka akan ke Janda Baik untuk membeli barang-barang keperluan rumah dan peribadi atau ke pekan di Bentong yang juga terletak tidak jauh dari Bukit Tinggi.

"Walaupun saya suka kuda, mula-mula dulu saya takut dengan kuda. Rasa was-was bila nak dekat. Bagimanapun, saya terpaksa juga belajar bagi menyokong minat suami, tapi setakat dalam paddock, berjalan dan menunggang. Lama kelamaan, keyakinan itu bertambah.

"Saya bersyukur kerana rezeki anugerah daripada Allah SWT, sebenarnya

banyak melalui susu kuda. Kuda ini kalau kita belai dia, ada rahmatnya," katanya yang meminati bidang seni dan kebudayaan seperti tarian serta lakonan.

Norhayati berkata, kuda adalah refleksi diri pemiliknya. Sekiranya pemiliknya boleh mengawal kuda, ia akan menjadi 'orang' belakang kita. Ia tidak akan berjalan ke depan daripada pemiliknya tetapi berada di belakang.

Mereka yang berupaya mengawal kuda, mempunyai jiwa kepimpinan. Kuda juga boleh 'mencium' naluri individu yang mendekatinya. Kalau tidak serasi, ia akan mula resah, sebaliknya kalau serasi, ia lebih mudah dikendalikan.

"Kami tidak pernah menggunakan rotan dalam melatih kuda. Setakat tunjuk saja, ia sudah takut. Tapi kita tidak pernah

rotan pun. Begitu juga cara mendidik anak cucu, tidak menggunakan kekerasan.

"Dua kuda yang pernah ada sebelum ini sangat jinak. Itulah kami sangat sedih ketika kedua-duanya mati. Jay mati pada Disember 2023. Dua tiga hari sebelum itu, Jay bangun bila tengok kami datang. Tapi dia hanya bersandar di dinding saja sebab tiga kakinya sedang sakit," katanya.

Buat masa ini pasangan suami isteri itu melatih Nek Maheer dan Nora Shahida untuk mengambil alih perniagaan mereka secara beransur-ansur apabila sampai masanya kelak.

Selain itu, tiga cucu mereka turut dibiasakan dengan kehidupan di kebun dan alam sekitar yang menyegarkan supaya lebih menyintai alam semulajadi dan cara hidup lebih sederhana.

BERKEBUN dan memantau tanaman sayur-sayuran dengan bantuan pekerjaanya.
- UTUSAN/HALINA MD. NOOR

